



WARISAN TC HOLDINGS BERHAD

No. Pendaftaran 199701009338 (424834-W)

DAN KUMPULAN SYARIKATNYA

DASAR ADUAN KHAS

	Jawatan	Tarikh
Diluluskan oleh:	Lembaga Pengarah Warisan TC Holdings Berhad	26 Feb 2013 1 June 2020 25 May 2021
Tarikh Versi:	26 February 2013 1 June 2020 25 May 2021	Versi: 0 Versi: 1 Versi: 2



DASAR ADUAN KHAS

TAJUK: Dasar Aduan Khas	Tarikh: 26 February 2013 Tarikh: 1 June 2020 Tarikh: 25 May 2021	Versi: 0 Versi: 1 Versi: 2
--------------------------------	---	---

DASAR ADUAN KHAS

1. Mukadimah

Sebagai sebahagian daripada inisiatif syarikat untuk menyokong pengurangan risiko rasuah, penyelewengan dan salah laku lain, Dasar Aduan Khas (“Dasar”) telah diwujudkan untuk melindungi pemberi maklumat yang terdiri daripada para pekerja, pembekal, penjual, pelanggan atau mana-mana pihak berkepentingan Warisan TC Holdings Berhad (“WTCH”) dan anak-anak syarikatnya, syarikat dikawal bersama dan syarikat bersekutu (“Kumpulan WTCH”).

Dasar ini menyediakan prosedur yang membenarkan dan memudahkan pemberi maklumat untuk melaporkan kelakuan tidak wajar secara tanpa nama dan sulit, tanpa rasa takut akan sebarang tindakan yang memudaratkan. Bagi tujuan Dasar ini, istilah “kelakuan tidak wajar” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditetapkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

2. Melapor Kelakuan Tidak Wajar

Pemberi maklumat digalakkan untuk memaklumkan sebarang kelakuan tidak wajar seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan/atau tingkahlaku yang tidak kena dan salah laku lain kepada Pegawai Integriti Kumpulan. Sekiranya Pegawai Integriti Kumpulan terbabit dalam laporan tersebut, sila laporkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit. Kelakuan tidak wajar hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada melaporkan maklumat kewangan palsu, penipuan sebenar atau disyaki, penyelewengan wang, salah beri gambaran, penyembunyian fakta atau maklumat dengan niat untuk mengelirukan, pelanggaran Tatakelakuan dan Etika Perniagaan WTCH, undang-undang dan peraturan, membahayakan pekerja atau kesihatan dan keselamatan awam, melanggar dasar Kumpulan WTCH, menerima atau memberi sogongan, rasuah, bantuan, keistimewaan, kesalahan jenayah dan pemerasan. Pemberi maklumat boleh mendedahkan kelakuan ini melalui saluran pelaporan seperti yang disediakan dalam Lampiran 3.

Sesiapa yang mempunyai pengetahuan tentang mana-mana individu Kumpulan WTCH telah melakukan kelakuan tidak wajar boleh mengemukakan laporan.



DASAR ADUAN KHAS

TAJUK: Dasar Aduan Khas	Tarikh: 26 February 2013 Tarikh: 1 June 2020 Tarikh: 25 May 2021	Versi: 0 Versi: 1 Versi: 2
--------------------------------	---	---

Tindakan akan diambil ke atas aduan tersebut, sila rujuk carta alir di Lampiran 1.

Sekiranya sesuatu laporan kelakuan tidak wajar disahkan benar, tindakan tatatertib atau tindakan lain akan diambil ke atas mereka yang berkaitan mengikut dasar Kumpulan WTCH.

3. Melapor Secara Jujur

Pemberi maklumat yang melaporkan kelakuan tidak wajar, mesti berbuat demikian secara jujur dan bukan untuk kepentingan peribadi atau motivasi, serta harus mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai maklumat yang didedahkan menunjukkan pelanggaran tersebut.

Mana-mana pemberi maklumat, yang tidak melapor secara jujur dan sekiranya dakwaannya terbukti tidak berasas dan/atau dibuat dengan niat jahat, ia tidak berhak mendapat sebarang perlindungan di bawah Polisi ini, dan berkemungkinan akan dikenakan sebarang tindakan yang sewajarnya menurut Polisi/dasar Kumpulan WTCH, dan jika pemberi maklumat tersebut merupakan kakitangan Kumpulan WTCH, dia akan dikenakan tindakan tatatertib (yang mungkin termasuk pemberhentian pekerjaan).

4. Perlindungan Terhadap Tindakan yang Memudaratkan

Tiada sesiapa pun boleh mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap pemberi maklumat atau sesiapa yang berkaitan atau berhubung dengan pemberi maklumat dengan tujuan untuk membala dendam kerana melaporkan kegiatan tidak wajar dengan jujur.

Mana-mana kakitangan atau pegawai Kumpulan WTCH yang telah melakukan apa-apa tindakan yang memudaratkan pemberi maklumat atau sesiapa yang berkaitan atau berhubung dengan pemberi maklumat kerana malaporkan kelakuan tidak wajar secara jujur, akan dikenakan tindakan tatatertib sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan.



DASAR ADUAN KHAS

TAJUK: Dasar Aduan Khas	Tarikh: 26 February 2013	Versi: 0
	Tarikh: 1 June 2020	Versi: 1
	Tarikh: 25 May 2021	Versi: 2

5. Membuat Laporan

Semua maklumat yang didedahkan, termasuk identiti pemberi maklumat perlu kekal sulit dan dilindungi, dan hanya boleh didedahkan atas dasar perlu tahu sahaja.

Bagi pemberi maklumat yang belum bersedia atau tidak ingin memberikan nama mereka semasa mengemukakan sesuatu laporan, Dasar ini membenarkan dan mengiktiraf laporan yang dibuat secara tanpa nama dan tanpa prasangka pada pihak penyiasat. Semua aduan boleh dibuat melalui Saluran/Butiran Pelaporan (Lampiran 3) dengan menggunakan templat yang diberikan seperti dalam Lampiran 2.

6. Keesahan Polisi Ini

Polisi ini akan kekal sah dan merupakan dokumen rasmi Kumpulan WTCH sehingga adanya apa-apa perubahan atau penggantian Polisi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah WTCH.

Lampiran:


- Lampiran 1: Carta Aliran Aduan Khas
- Lampiran 2: Laporan Aduan (templat)
- Lampiran 3: Saluran/Butiran Pelaporan



DASAR ADUAN KHAS

TAJUK: Dasar Aduan Khas	Tarikh: 26 February 2013	Versi: 0
	Tarikh: 1 June 2020	Versi: 1
	Tarikh: 25 May 2021	Versi: 2

Lampiran 1: Carta Aliran Aduan Khas





DASAR ADUAN KHAS

TAJUK: Dasar Aduan Khas	Tarikh: 26 February 2013 Tarikh: 1 June 2020 Tarikh: 25 May 2021	Versi: 0 Versi: 1 Versi: 2
--------------------------------	---	---

Lampiran 2: Laporan Aduan

WARISAN TC HOLDINGS BERHAD **BORANG DASAR ADUAN KHAS**

BAHAGIAN A – Butiran Orang yang Didakwa			
Nama			
Jawatan/Jabatan/Lain-lain			
Subsidiari/Syarikat/Lain-lain			
BAHAGIAN B – Butiran Insiden yang Didakwa (anda boleh melampirkan halaman tambahan)			
(Sila lampirkan sebarang bukti atau dokumen yang menyokong dakwaan/aduan anda)			
Tarikh Laporan	(hh)	(bb)	(tt)
BAHAGIAN C – Butiran Pihak yang disebut dalam Bahagian B, jika ada			
Pihak #1			
Nama			
Telefon			
E-mel			
Pihak #2			
Nama			
Telefon			
E-mel			



DASAR ADUAN KHAS

TAJUK: Dasar Aduan Khas	Tarikh: 26 February 2013	Versi: 0
	Tarikh: 1 June 2020	Versi: 1
	Tarikh: 25 May 2021	Versi: 2



Butiran Hubungan Anda



Nama:

No. Telefon:

E-mel:

Kerahsiaan dan Perlindungan Terhadap Tindakan Memudaratkan

Anda digalakkan untuk memberikan identiti anda semasa mengemukakan laporan atau pendedahan supaya memudahkan tindakan susulan dan penjelasan jika dan apabila diperlukan. Di bawah Polisi Aduan Khas Syarikat, identiti dan maklumat anda yang diterima akan dirahsiakan. Syarikat tidak akan bertolak ansur dengan sebarang tindakan yang memudaratkan anda dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi anda jika anda membuat laporan secara jujur. Mana-mana pihak yang mengambil apa-apa tindakan yang memudaratkan orang yang telah melaporkan sebarang kelakuan tidak wajar dengan jujur akan dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya, sehingga dan termasuk pemecatan atau tindakan undang-undang, jika berkenaan.

Bertindak Secara Jujur

Walau bagaimanapun, seseorang yang mendedahkan aduan mengenai kelakuan tidak wajar mesti bertindak dengan jujur dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai maklumat yang didedahkan adalah benar. Sabarang dakwaan yang terbukti telah dibuat dengan niat jahat akan dikenakan tindakan yang sewajarnya, sehingga dan termasuk tindakan undang-undang, jika berkenaan.



DASAR ADUAN KHAS

TAJUK: Dasar Aduan Khas	Tarikh: 26 February 2013	Versi: 0
	Tarikh: 1 June 2020	Versi: 1
	Tarikh: 25 May 2021	Versi: 2

<i>Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja</i>		
Diterima oleh	Nama:	
	Tarikh:	
Ruj Aduan #:		
Kebimbangan memerlukan siasatan lanjut?	Tidak (<input type="checkbox"/>)	Ya (<input type="checkbox"/>)
Maklum balas kepada Pengadu/Pemberi Maklumat (jika diminta)	Tarikh:	

Penafian

Kumpulan Warisan TC Holdings Berhad mempunyai hak untuk mengubah hala tuju semua aduan yang dikemukakan kepada saluran masing-masing dalam Kumpulan untuk tindakan selanjutnya.

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



DASAR ADUAN KHAS

TAJUK: Dasar Aduan Khas	Tarikh: 26 February 2013 Tarikh: 1 June 2020 Tarikh: 25 May 2021	Versi: 0 Versi: 1 Versi: 2
--------------------------------	---	---

Lampiran 3 – Saluran/Butiran Pelaporan

Mod	Penerangan
E-mel Dasar Aduan Khas Kumpulan WTCH	wtch.scp@warisantc.com
Hotline Dasar Aduan Khas Kumpulan WTCH (Toll Free)	1800-888-245
Borang Dasar Aduan Khas Kumpulan WTCH (Versi Cetak)	Borang Dasar Aduan Khas
Borang Dasar Aduan Khas Kumpulan WTCH (e-Borang)	e-Borang Dasar Aduan Khas
Hantar laporan ke:	Pegawai Integriti
Hantar Laporan ke: (jika Pegawai Integriti terbabit):	Pengerusi Jawatankuasa Audit, c/o Jabatan Setiausaha
Alamat:	No.62-68, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG